



## KENYATAAN MEDIA

### PELANJUTAN FASA AWAL ENDEMIK DAN PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN

***Bandar Seri Begawan, Juma'at, 22hb., April 2022***

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan bahawa **Fasa Awal Endemik (*Early Endemic Phase*) di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 akan dilanjutkan lagi selama satu (1) bulan iaitu dari hari Ahad, 1hb., Mei 2022 sehingga hari Selasa, 31hb., Mei, 2022.**

Sementara itu, Jawatankuasa Pandu COVID-19 juga ingin mengemaskinikan syarat-syarat bagi garis panduan-garis panduan seperti berikut:

- 1- **Semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** termasuk mereka yang bertugas di kaunter perkhidmatan dan sebagai petugas barisan hadapan (*frontliners*) – **tanpa mengira status vaksinasi masing-masing – (kecuali yang mempunyai kod *BruHealth* berwarna ungu) adalah dikehendaki untuk kembali bertugas secara fizikal ke pejabat masing-masing bermula hari Isnin, 25hb., April 2022.**

**Keterangan lanjut mengenai perkara ini akan dimaklumkan melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri yang akan dikeluarkan esok.**

Dalam pada itu, sektor swasta adalah juga digalakkan untuk melaksanakan garis panduan ini dan ketetapan lanjut adalah tertakluk daripada majikan masing-masing;



- 2- **Protokol *Day Pass*** – yang disediakan bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkod merah bagi menggantikan keperluan kuarantin dengan ujian *Antigen Rapid Test (ART)* negatif selama lima (5) hari – **akan dilaratkan kepada orang awam**, yang mana orang awam yang mempunyai kod merah hendaklah melaporkan keputusan ujian ART negatif pada setiap hari selama lima (5) hari dan disahkan melalui aplikasi *BruHealth* bagi membolehkan mereka memasuki premis pada hari-hari tersebut. Perkara ini akan mula dilaksanakan pada **hari Juma'at, 6hb., Mei 2022**;
  
- 3- Berkaitan dengan hal ehwal rentas sempadan:
  - i. **Syarat garis panduan perjalanan keluar negara iaitu lengkap vaksinasi dos ketiga (dos penggalak – *booster dose*) bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan yang akan kembali ke negara ini adalah dilaratkan kepada individu berumur 12 hingga 17 tahun** yang berhasrat untuk membuat perjalanan keluar negara. Syarat ini akan dikuatkuasakan bagi perjalanan keluar negara bermula **hari Ahad, 15hb., Mei 2022**.
  
  - ii. Mengambil kira keberkesanan ujian ART dalam mengenalpasti kes-kes jangkitan aktif di kalangan individu-individu yang berjangkit sepertimana yang ditunjukkan oleh penganalisaan data (*concordance* dan *Negative Predictive Value*), statistik tempatan telah menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan dalam risiko jangkitan di antara mereka yang tiba dari negara-negara dalam senarai *Travel Green List (TGL)* dengan mereka yang tiba dari negara-negara yang tidak termasuk dalam senarai TGL serta penyelarasan dengan protokol kesihatan dalam negara, maka protokol perjalanan rentas sempadan adalah dikemaskini dan akan mula berkuatkuasa **pada hari Juma'at, 6hb., Mei 2022**, iaitu seperti berikut:
    - (i) Perjalanan masuk tidak mustahak (*non-essential*) ke Negara Brunei Darussalam melalui udara adalah **dibenarkan bagi orang-orang yang telah melengkapkan vaskinasi COVID-19 dari mana-mana negara** tanpa memerlukan permohonan *Entry Travel Pass (ETP)*;



- (ii) Definisi vaksinasi lengkap dipinda daripada hanya mempunyai dua (2) dos vaksin COVID-19 kepada **telah mendapatkan dos penggalak (booster dose) atau jika tidak mempunyai dos penggalak, individu berkenaan hendaklah telah mendapatkan dua (2) dos vaksin COVID-19, yang mana dos kedua didapatkan tidak lebih dari tiga (3) bulan sebelum tarikh masuk ke negara ini;**
- (iii) **Mentiadakan pengkategorian** senarai negara TGL dan bukan TGL;
- (iv) Perbezaan protokol kesihatan bagi orang-orang yang masuk ke negara ini adalah berdasarkan kepada status vaksinasi masing-masing sahaja, di mana protokol kesihatan bagi orang-orang yang tidak mempunyai vaksinasi penuh adalah sama seperti protokol kesihatan bagi mereka yang tiba dari negara bukan TGL sebelum ini;
- (v) Orang-orang yang masuk ke negara ini dan yang telah melengkapkan vaksinasi adalah dikehendaki untuk **menjalani ujian ART selepas tiba ke negara ini sebanyak tiga (3) kali**, iaitu pada hari ketibaan (D1), hari kedua dan hari ketiga. Ini bermakna ujian RT-PCR semasa ketibaan adalah ditiadakan dan mereka tidak lagi diperlukan untuk menjalani pengasingan diri, hanya jika mendapat keputusan ART yang negatif. **Caj sebanyak \$40 juga akan dikenakan bagi tiga (3) kit ART** berkenaan.
- (vi) Orang-orang yang **belum melengkapkan vaksinasi** hanya dibenarkan masuk ke negara ini jika mempunyai pengesahan pengecualian kesihatan bagi vaksinasi COVID-19, dan adalah dikehendaki untuk **menjalani ujian ART semasa ketibaan dan ujian RT-PCR pada hari ketiga selepas ketibaan.** Mereka juga dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri sehingga keputusan ujian RT-PCR diperolehi. **Caj sebanyak \$100 adalah dikekalkan bagi ujian ART dan RT-PCR** berkenaan.



- iii. Aktiviti perjalanan rentas sempadan melalui pos-pos kawalan darat dan laut masih tidak dibenarkan kecuali bagi urusan perjalanan yang mustahak sahaja. Walau bagaimanapun, rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang kembali ke negara ini melalui jalan darat atau laut selepas membuat **perjalanan mustahak (*essential travel*)** adalah dibenarkan untuk menjalani pengasingan diri di rumah atau hotel;

4- Berkaitan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba:

- i. Pengendalian acara persendirian di rumah adalah dibenarkan untuk keluarga terdekat sahaja mengikut kapasiti perkumpulan ramai yang dibenarkan pada masa ini iaitu maksima 30 orang tetamu di rumah persendirian (tidak termasuk tuan rumah) atau maksima 300 orang bagi acara yang diadakan di dewan dengan mematuhi garis panduan kesihatan seperti berikut:-
  - (i) Membuat ujian ART sebelum meninggalkan rumah untuk berkunjung ke rumah ahli keluarga terdekat. Sesiapa yang mempunyai keputusan positif hendaklah melaporkannya ke aplikasi *BruHealth* dan mengasingkan diri di rumah;
  - (ii) Memakai sungkup muka kecuali semasa makan dan minum;
  - (iii) Kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer*; dan
  - (iv) Kunjung-mengunjungi secara beramai-ramai atau berkumpul serta bersalam-salaman adalah tidak digalakkan.

Orang ramai diperingatkan supaya sama-sama peka dan mengambil langkah berjaga-jaga dalam melindungi antara satu dengan yang lain, terutamanya bagi individu yang berisiko tinggi seperti warga emas. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa lebih berhati-hati dan berada di rumah jika berasa kurang sihat.

- 5- *Domestic runners* yang berdaftar di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) adalah diperlukan untuk menjalani **ujian ART dua (2) kali seminggu dan memuatnaik keputusan ART**



**tersebut ke dalam aplikasi *BruHealth*.** *Domestic runners* tidak lagi diperlukan untuk menjalani ujian RT-PCR dua (2) minggu sekali, iaitu serupa dengan keperluan bagi *transporter* yang telah diumumkan melalui Kenyataan Media Jawatankuasa Pandu COVID-19 sebelum ini.

Pelanjutan Fasa Awal Endemik dan pengemaskinian garis panduan-garis panduan ini adalah mengambilkira bagi keadaan jangkitan harian COVID-19 untuk menjadi lebih stabil; meningkatkan kadar vaksinasi bagi dos ketiga (dewasa dan remaja) termasuk kadar vaksinasi kanak-kanak; memastikan keadaan adalah stabil setelah persekolahan dibuka dan para pekerja kembali bertugas sepenuhnya di pejabat masing-masing, serta pengemaskinian garis panduan rentas sempadan. Oleh itu, Jawatankuasa Pandu COVID-19 akan terus memantau dan meneliti situasi semasa COVID-19 bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini sebelum membuat peralihan kepada fasa seterusnya nanti, *Insyallah*.

Sekali lagi, orang ramai adalah diingatkan untuk terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedures – SOPs*) dan protokol kesihatan seperti menjaga penjarakan fizikal, memastikan jumlah kapasiti yang dihadkan, memakai sungkup muka, menjaga kebersihan, menggunakan aplikasi *BruHealth* secara mandatori, malah penggunaan ART adalah digalakkan sebelum memasuki premis-premis termasuk memastikan aliran pengudaraan yang baik.

Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Perdana Menteri di alamat [www.jpm.gov.bn](http://www.jpm.gov.bn).

Di kesempatan ini, saya mewakili ahli-ahli Jawatankuasa Pandu COVID-19 sukacita mengucapkan selamat menjalankan ibadah puasa kepada seluruh umat Islam di tanah air. Marilah kita sama-sama meningkatkan amal ibadah masing-masing khususnya di malam-malam terakhir bulan Ramadhan yang mulia ini demi meraih ganjaran pahala dan rahmat Allah *Subhanahu Wata'ala* dan seterusnya berdoa agar Allah *Subhanahu Wata'ala* menyelamatkan kita daripada wabak COVID-19 ini. *Amin ya rabbal 'alamin*.



***JAWATANKUASA PANDU COVID-19***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

20hb., Ramadhan 1443

22hb., April 2022



## **MEDIA STATEMENT**

### **EXTENSION OF THE EARLY ENDEMIC PHASE AND UPDATES TO GUIDELINES**

***Bandar Seri Begawan, Friday, 22<sup>th</sup> April 2022***

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the COVID-19 Steering Committee wishes to announce that **the Early Endemic Phase under the National COVID-19 Recovery Framework will be extended for one (1) month, from Sunday, 1<sup>st</sup> May 2022 until Tuesday, 31<sup>st</sup> May 2022.**

Meanwhile, the COVID-19 Steering Committee also wishes to update on existing guidelines, as follows:

- 1- All officers and staff of the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam** including those working at service counters and as frontliners – **regardless of their vaccination status – (except those with a purple BruHealth code)** are required to **return to work physically at their respective offices, starting Monday, 25<sup>th</sup> April 2022.**

**Further details on this matter will be conveyed tomorrow through the Prime Minister's Office Circular.**

Therefore, the private sector is also encouraged to carry out this guideline and further consideration is subject to respective employers;

- 2- Day Pass Protocol – which is provided for Government officers and staff under red code to replace the requirement for quarantine with negative Antigen Rapid Test (ART) for five (5) days – will be extended to the public,** whereby those under red code will be required to report and verify their negative ART result daily for five (5) days through the BruHealth application to allow them to enter premises each day. This measure will be implemented starting **Friday, 6<sup>th</sup> May 2022;**



3- On cross-border matters:

- i. **The exit-country guideline, that is, the requirement to be fully vaccinated with a third dose (booster dose) for citizens and residents of Brunei Darussalam and those who intend to return to the country is extended to individuals aged 12 to 17** who intend to travel out of the country. This requirement will be implemented for outbound travels starting from **Sunday, 15<sup>th</sup> May 2022**.
- ii. Taking into consideration the effectiveness of ART testing in detecting active infections amongst individuals, as shown by data analysis (concordance and Negative Predictive Value), local statistics have shown that there is no difference in infection risk between those arriving from countries under the Travel Green List (TGL) and those arriving from non-TGL countries, as well as the coordination of health protocols in the country, whereupon cross-border travel protocols will be updated and subsequently implemented starting Friday, 6<sup>th</sup> May 2022, as follows:
  - (i) Non-essential entry travel into Brunei Darussalam via air is **permitted for those who have completed their COVID-19 vaccinations from any country** without Entry Travel Pass (ETP) applications;
  - (ii) The definition for full vaccination is amended from only having two (2) doses of COVID-19 vaccine to **having a booster dose or if booster dose is not yet received, individuals without a booster dose are required to have two (2) doses of COVID-19 vaccinations, of which the second dose has to be obtained not more than three (3) months prior to date of entry into the country;**
  - (iii) **Removal of categorization** of TGL and non-TGL countries;
  - (iv) The difference in health protocols for those entering the country is based on their vaccination status only, whereby the health protocols for those who are not fully vaccinated are the same as those who have arrived from non-TGL countries;





- (v) Fully-vaccinated individuals who are entering the country are required to **perform ART three (3) times after their arrival in the country**, that is, on day of arrival (D1), day two and day three. This means that undergoing RT-PCR test upon arrival and self-isolation are no longer required, only if the ART results are negative. **A \$40 charge will be imposed for the three (3) ART kits.**
- (vi) Individuals who are **not yet fully-vaccinated** are only permitted to enter the country if they can verify that they are medically exempted from receiving COVID-19 vaccinations, and are required to **undergo ART upon arrival and RT-PCR test on the third day after arrival**. They are also required to undergo self-isolation until RT-PCR results are obtained. **The \$100 charge for both ART and RT-PCR still remains.**
- iii. Cross-border activities through land and sea control posts are still not permitted, except for essential purposes only. However, citizens and permanent residents of Brunei Darussalam returning to the country via land or sea from **essential travel** are allowed to undergo self-isolation at home or at hotels;

#### 4- On the upcoming Hari Raya Aidilfitri celebrations:

- i. Private events at home are allowed for close family members only in accordance to the current capacity permitted for mass gatherings, that is, a maximum of 30 guests (not including the host) or 300 people for events held in halls, while also observing health guidelines as follows:-
  - (i) Performing ART before leaving the house to visit close family members. Those with a positive result are required to report to the BruHealth application and self-isolate at home;
  - (ii) Wearing mask except when eating and drinking;
  - (v) Frequent washing of hands or use of hand sanitizer; and
  - (vi) Visiting in groups as well as shaking hands are not encouraged.



The public is reminded to take precautionary steps in protecting each other, especially for high-risk individuals such as the elderly. Therefore, people are advised to be extra careful and to stay at home if they feel unwell.

5- Registered domestic runners under the Ministry of Transport and Infocommunications (MTIC) are required to perform **ART twice (2) a week and upload ART results to the BruHealth application**. Domestic runners are no longer required to undergo RT-PCR every fortnight, similar to the requirement for transporters which was announced previously in a Media Statement by the COVID-19 Steering Committee.

The extension of the Early Endemic Phase and updating of guidelines take into account the condition of daily COVID-19 infections which has become more stable; increasing vaccination rates for the third dose (both adults and teenagers) including vaccination rates for children; in addition to ensuring that conditions are stable after schools reopen and employees fully return to their respective offices, as well as updated cross-border guidelines. Therefore, the COVID-19 Steering Committee will continue to monitor and examine the current COVID-19 situation for the well-being of citizens and residents of the country before transitioning to the next phase, *Insyah Allah*.

Once again, the public is reminded not to be complacent and to continue to adhere to Standard Operating Procedures and health protocols, such as physical distancing, ensuring venue capacity limits, the wearing of facemasks, maintaining cleanliness, and mandatory use of the BruHealth mobile application. Meanwhile, the use of ART prior to entering premises is encouraged as well as to ensure good air ventilation.

Further information and details can be found on the Prime Minister's Office website at [www.jpm.gov.bn](http://www.jpm.gov.bn).

On this occasion, on behalf of members of the COVID-19 Steering Committee, we would like to wish all muslims in the country a blessed month of fasting. May we all strengthen our deeds of worship, especially in the final days of the blessed month of Ramadhan so that Allah *Subhanahu Wata'ala* will continue to bestow His blessings upon us to perform deeds of worship in this holy month and pray for Allah *Subhanahu Wata'ala* to protect us from COVID-19. *Amin ya rabbal 'alamin*.



***COVID-19 STEERING COMMITTEE***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

20<sup>th</sup> Ramadhan 1443

22<sup>th</sup> April 2022